

'TINDAKAN DATUK AZMAN LANGGAR ADAT'

SEREMBAN, Jumaat — Anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu menyifatkan campurtangan Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamrus dalam urusan perantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 sebagai 'tetamu yang tidak diundang' serta bercanggah dengan aturan adat yang sah.

Mereka juga menganggap Datuk Azman cuba bersubahat dengan mereka yang melanggar aturan adat kerana membelakangkan Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin dalam urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10.

Jurucakap mereka berkata aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa kehadiran penyandang pesaka Datuk Seri Maharaja Diraja dalam urusan perantikan Datuk Kelana adalah atas jemputan penyandang pesaka Datuk Andika Mendelika selaku Lembaga Tua Tiang Balai luak itu.

Aturan adat juga menggariskan penyandang pesaka Datuk Seri Maharaja Diraja selaku Lembaga Tua Waris di Air tidak berhak monotonkan bakal penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 tetapi hanya boleh mengukuhkan sebarang keputusan yang dibuat

"Dalam soal ini, kami anak-anak Waris Perut Ulu berpegang teguh kepada keputusan kerapatan adat yang dihidiri oleh dua cerak Waris di Darat dan di Air pada 28 Oktober 1983, yang tidak mengiktiraf Datuk Azman sebagai penyandang pesaka Datuk Seri Maharaja Diraja yang sah di segi aturan adat.

"Tua Waris Perut Hilir Waris di Darat, Datuk Maharajalela Zamhari Haji Abdul Rahman juga tidak mengiktiraf Datuk Azman sebagai Lembaga Tiang Balai yang boleh menyertai urusan perantikan Datuk Kelana ke-10 dalam suratnya kepada Datuk Fadzil pada 7 Ogos 1984.

Jemputan

"Kami difahamkan bahawa kehadiran Datuk Azman dalam urusan itu adalah atas jemputan Datuk Zamhari dan dengan itu adalah bercanggah dengan aturan adat kerana beliau (Datuk Azman) hanya menerima jemputan daripada satu Perut Waris sahaja iaitu Perut Hilir," ujarnya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Bagaimanapun, jurucakap itu berkata pihaknya tetap mengakui Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan melantik Datuk Azman

Luak Sungai Ujong yang berhak menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10.

"Tetapi kami tidak dapat membelakangkan aturan adat Luak Sungai Ujong yang dengan jelas menggariskan bahawa Datuk Andika Mendelika adalah Tua Lembaga kami dan kepada beliau sahajalah kami daripada Perut Ulu dan Hilir boleh mengadu khususnya mencari penyelesaian terhadap sebarang kekusutan adat.

"Kesimpulannya sekarang, soal salah tafsiran yang dinyatakan oleh Datuk Azman tidak timbul sama sekali kerana penyertaannya selaku penyandang pesaka Datuk Seri Maharaja Diraja yang dilantik oleh Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 adalah bercanggah dengan aturan adat yang sah," tambahnya.

Mengenal kenyataan Datuk Azman 'media massa bukannya gelanggang untuk membincangkan urusan pentadbiran Adat Perpatih', jurucakap itu menjelaskan ia seolah-olah memberi gambaran bahawa pengamal-pengamal adat di Negeri Sembilan adalah golongan yang mundur dan sengaja tidak mahu mengikuti